

KEJUTKAN ANAK SOLAT SUBUH

Soalan:

Saya mempunyai seorang anak yang berumur tujuh tahun. Dia amat rajin solat. Tetapi, adakah saya perlu mengejutkannya agar bangun mengerjakan solat Subuh? Adakah berdosa jika saya tidak mengejutkan anak-anak kecil solat Subuh?

Jawapan:

Ibu bapa sememangnya bertanggung jawab terhadap ahli keluarganya sebagaimana terdapat di dalam hadis sahih. Ibu bapa hendaklah mendidik dan memerintahkan anaknya agar mengerjakan kewajipan dan meninggalkan kemungkaran apabila telah berumur tujuh tahun.

Menurut 'Amru bin Syu'aib, ayahnya telah menukikan daripada datuknya bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاصْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ وَفَرَّقُوا
بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksudnya:

"Perintahkanlah anak-anak kamu mengerjakan solat ketika mencapai umur tujuh tahun. Pukullah mereka jika mereka meninggalkan solat ketika berumur 10 tahun dan asingkan tempat tidur antara anak lelaki dan perempuan." – Hadis sahih riwayat Abu Daud.

Atas dasar itu, ibu bapa hendaklah berlemah-lembut ketika memerintahkan anak-anak solat. Kalau perlu, ambil hati mereka dengan menjanjikan hadiah dan ganjaran jika dapat menunaikan solat supaya dia bersungguh-sungguh dan sukakan solat.

Terbaik, lewatkan sedikit mengejutkan anak-anak untuk menunaikan solat Subuh hingga hampir-hampir matahari terbit. Di samping itu, didiklah merek agar tidur lebih awal agar lebih mudah untuk bangkit awal. Namun, jika tidak mengejutkan anak-anak kecil untuk bangun solat Subuh pada hari-hari dia susah untuk bangun seperti kesejukan, tidur lewat dan sebagainya, hal itu tidak menjadikan kamu berdosa. Wallahu a'lam.

BERDOA SELEPAS SOLAT

Soalan:

Apa pandangan ustaz mengenai hukum mengangkat tangan untuk berdoa selepas solat? Adakah terdapat perbezaan hukum antara solat fardu dan solat sunat?

Jawapan:

Mengangkat tangan ketika berdoa termasuk sunnah dan salah satu sebab termakbulnya doa. Menurut Salaman al-Farisi r.a, Nabi s.a.w telah bersabda:

□ إِنَّ رَبَّكُمْ حَيٌّ كَرِيمٌ يَسْتَحْيِي مَنْ عَبْدَهُ إِذَا رَفَعَ يَدَيْهِ إِلَيْهِ أَنْ يَرُدَّهُمَا صِفْرًا

Maksudnya:

“Sesungguhnya TUHAN kamu semua Pemalu dan Maha Pemurah. DIA amat malu terhadap hamba-NYA apabila hamba-NYA mengangkat kedua-dua belah tangan kepada-NYA namun DIA membiarkan kembali dengan tangan kosong.” – Hadis riwayat Abu Daud, al-Tirmizi, Ibn Majah dan disahihkan oleh al-Hakim.

Selain itu, tsabit di dalam sahih Muslim mengenai lelaki yang jauh perjalanan hingga kusut masai rambutnya lalu mengangkat kedua-dua belah tangannya ke langit: Ya TUHANKu! Ya TUHANKu! Tetapi ALAH tidak memakbulkan doanya kerana makanan, minuman dan pakaiannya dari sumber yang haram.

Tetapi, tidak disyarakkan mengangkatnya sejeurus selepas solat fardu secara berterusan kerana menyanggahi perbuatan salafussoleh. Ikuti jejak langkah mereka dan janganlah cuba menokok-tambah di dalam urusan ibadah. Tetapi, ada tempat-tempat tertentu baginda dan salafussoleh mengangkat tangan ketika berdoa seperti ketika memohon hujan di atas mimbar khutbah dan qunut nazilah.

Mengenai mengangkat tangan untuk berdoa selepas solat sunat secara berterusan, saya tidak menemui larangan mengenainya. Tetapi berdasarkan umum hadis, baginda dan salafussoleh juga tidak melakukannya malah tidak dinukilkan kepada kita walau satu hadis atau atsar. Sedangkan, para sahabat menukilkan perkataan dan perbuatan Nabi s.a.w ketika baginda bermukim mahupun ketika musafir. Wallahu a'lam.

AURAT WANITA KETIKA SOLAT

Soalan:

Terdapat seorang wanita menunaikan solat hanya memakai tudung, berstokin dan berpakaian menutup aurat (berbaju kurung/berjubah/berseluar panjang). Namun, pergelangan tangan mereka masih terdedah (telapak dan belakang telapak tangan). Adakah perbuatan mendedahkan belakang telapak tangan ketika solat dikira sah? Bukankah aurat wanita ketika solat ialah keseluruhan badan kecuali muka dan kedua-dua belah tapak tangan sahaja?

Jawapan:

Wanita merdeka wajib menutup seluruh badannya ketika solat selain muka dan kedua-dua belah tapak tangannya termasuk belakang tapak tangan. Sekiranya dia menunaikan solat lalu terbuka sedikit auratnya seperti betis, tapak kaki, lengan, leher dan sebagainya, solatnya terbatal atau tidak sah. Sabda Rasulullah s.a.w:

لَا يَقْبَلُ اللَّهُ صَلَاةَ حَائِضٍ إِلَّا يَخْمَارٍ

Maksudnya:

“ALLAH tidak menerima solat seorang wanita tanpa memakai khimar (tudung).” – Hadis riwayat Ahmad, al-Tirmizi, Abu Daud dan Ibn Majah dengan sanad sahih.

Nabi s.a.w pernah ditanya mengenai wanita yang mengerjakan solat dengan hanya memakai tudung dan jubah? Jawab baginda:

إِذَا كَانَ الدَّرْعُ سَابِعًا يُغْطِي ظُهُورَ قَدَمَيْهَا

Maksudnya:

“Boleh jika jubahnya itu labuh hingga ke tanah dan menutupi kedua-dua belah kakinya.” – Disepakati kesahihannya. Menurut al-Hafiz Ibn Hajar, atsar ini mauquf kepada Ummu Salamah.

Menurut kefahaman saya berdasarkan hadis ini, jika memiliki pakaian yang labuh dan lebih sempurna untuk menutup aurat afdal memakainya ketika solat. Namun, solat menggunakan pakaian seperti yang dinyatakan di atas tetap sah jika aurat selain muka dan tapak tangan ditutup dengan sempurna. Wallahu a’lam.

WALI BERTINDIK DI TELINGA

Soalan:

Apakah hukum seorang lelaki yang bertindik di telinga mewalikan anaknya?
Apakah yang patut dilakukan oleh lelaki yang sudah bertindik dan hukumnya?

Jawapan:

Kategori ahli fasiq (pelaku maksiat dan dosa) itu berbagai-bagai. Dosa paling besar ialah meninggalkan solat. Manakala dosa memakai subang atau bertindik di telinga termasuk perbuatan fasiq (maksiat) kecil.

Menurut pendapat saya, sah lelaki yang bertindik di telinga mewalikan anaknya. Jika boleh mendapatkan wali yang soleh dan warak, tentulah perbuatan itu lebih afdal.

Mengenai hukum lelaki bertindik, jelas sekali ia diharamkan. Ia termasuk perbuatan meniru gaya barat. Islam melarang perbuatan meniru gaya hidup yang merosakkan akhlak. Menurut Ibn Umar r.a, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Maksudnya:

“Sesiapa meniru gaya hidup sesuatu kaum, dia termasuk di kalangan mereka.” - Hadis sahih riwayat Abu Daud.

Begitu juga ALLAH dan Rasul melaknat lelaki meniru gaya perhiasan wanita. Ibn Abbas r.a berkata:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Maksudnya:

“Rasulullah s.a.w melaknat kaum lelaki yang meniru gaya wanita dan kaum wanita meniru gaya lelaki.” - Hadis riwayat al-Bukhari.

Justeru, bertaubatlah kepada ALLAH dengan meninggalkan perbuatan itu. Perbanyakkanlah melakukan amal soleh untuk memberatkan timbangan amalan kamu. Wallahu a'lam.

PEWANGI BERALKOHOL

Soalan:

Saya ada terbaca majalah agama pada tahun lepas. Artikel itu ditulis oleh Dr. Mahmud Zuhdi tentang pemakaian alkohol dalam 'perfume' dan 'deodorant' dan hukumnya jika dipakai ketika solat. Dalam artikel tersebut ada menyatakan bahawa sah solat itu kerana alkohol itu digunakan bukan untuk tujuan memabukkan. Tolong jelaskan.

Jawapan:

Perlu dijelaskan di sini bahawa pewangi yang mengandungi alkohol (arak) ada dua kemungkinan dari segi jumlah sukatan campuran:

1. Jika sedikit, ia tidak menjejaskan kesucian dan ibadah. Sesiapa sahaja boleh menggunakannya tanpa waswas. Umpamanya, dicampur alkohol sebanyak 5% ke dalam wangian untuk mengekalkan baunya.
2. Jika banyak sehingga boleh mendatangkan mudarat seperti pening, mabuk, kesan pada kulit dan sebagainya, terbaik ia tidak digunakan.

Ada juga pendapat mengatakan terbatal wuduk dan tidak sah solat jika memakai pewangi yang bercampur dengan alkohol beralasan arak itu najis (رَجْسٌ) sebagaimana firman ALLAH di atas menurut pengertian dari segi bahasa Arab. Pendapat ini ditolak dengan dua hujah:

1. Di dalam tafsir Ibn Katsir, Ali bin Abu Talhah dan Ibn Abbas memberi takrifan bahawa najis di sini ialah amalan syaitan yang dimurkai ALLAH. Said bin al-Zubair pula berpendapat najis ialah dosa. Manakala menurut Zaid bin Aslam pula ia bermaksud kejahatan yang dilakukan oleh syaitan.
2. Pengertian najis bermaksud perbuatan keji amat sesuai dalam konteks ayat ini kerana ALLAH mengaitkan dosa arak sama dengan dosa judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib. Najis di sini amat tepat ditakrifkan sebagai dosa syirik atau maksiat bukannya dosa dari segi bahasa.

Oleh itu, harus menggunakan pewangi yang bercampur alkohol sama ada sedikit atau banyak tanpa waswas selagi tidak memudaratkan. Jika memudaratkan, tidak harus digunakan bukan kerana najis atau haram tetapi kerana bimbang boleh mendatangkan penyakit. Wallahu a'lam.